



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (19 JANUARI 2023) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menyambut baik komitmen Kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Kanak-Kanak sebagai suatu badan berkanun bebas untuk melindungi dan memelihara hak kanak-kanak di Malaysia. Pembentukan Suruhanjaya Kanak-Kanak ini adalah suatu langkah positif ke arah memelihara kehidupan bermaruah kanak-kanak selaras dengan prinsip Malaysia Madani yang diketengahkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

SUHAKAM berharap agar Suruhanjaya yang akan ditubuhkan ini dapat menangani pelbagai aspek merangkumi isu kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak dalam pembangunan negara. Oleh itu, peruntukan dari segi kewangan dan sumber manusia yang mencukupi amat penting agar Suruhanjaya ini dapat melaksanakan tanggungjawab dan mandat yang diberi dengan lebih efektif. Dalam memastikan kepentingan kanak-kanak dilindungi, Suruhanjaya berkenaan juga perlu mempunyai bidang kuasa dan mandat yang luas dan jelas.

Kanak-kanak adalah golongan yang terdedah kepada risiko pencabulan hak asasi manusia seperti penganiayaan, jenayah seksual, penderaan dan eksploitasi. Penubuhan Suruhanjaya ini adalah satu langkah tepat dan selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak terus dipelihara.

-TAMAT-

Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad
Pengerusi
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
19 Januari 2023